

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 JULY 2017

# NGO perlu sokong kerajaan maju, makmurkan negara

BH - 26/7/2017 pg. 4

[FOTO BERNAMA]

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak mahu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bekerjasama dan memberikan sokongan kepada usaha kerajaan mewujudkan kemajuan dan kemakmuran di negara ini.

Perdana Menteri berkata, ia berkaitan NGO bukan sahaja memiliki peranan serta pengaruh yang besar dalam objektif masing-masing, malah mampu memperkukuh perpaduan yang menjadi faktor penting bagi sesebuah negara yang maju dan berjaya.

“Sebagai Perdana Menteri, saya berazam mahu membawa kejayaan negara kita ke tahap lebih besar dan untuk mencapai hasrat itu, saya perlukan sokongan dan dukungan tuan-tuan dan puan-puan (wakil NGO).

“Kalau anda bersama saya dan menyokong saya, saya yakin mampu membawa Malaysia menjadi negara yang lebih makmur, berjaya, disanjung dan dihormati di persa-

da antarabangsa,” katanya pada Majlis Makan Malam Solidariti Bersama Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam tadi.

## NGO kena main peranan

Kira-kira 200 individu mewakili 20 NGO pelbagai bidang hadir pada majlis makan malam anjuran Persatuan Amalan Minda Cergas Malaysia (AMC).

Perdana Menteri berkata, beberapa kejayaan seperti pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) yang lebih maju dari bandar terkemuka lain seperti London, Hong Kong dan New York, hanyalah permulaan dan gambaran kemajuan yang bakal dikecapi negara.

Beliau berkata, kejayaan pada masa depan itu hanya mampu menjadi kenyataan jika NGO memainkan peranan memperkukuh perpaduan serta memberi sokongan pada kerajaan sedia ada.



**Najib bersama** Pengasas Persatuan Amal Minda Cergas Malaysia, Michael Tan Yam Hock (kiri) dan Penasihat Persatuan Amal Minda Cergas Malaysia, Datuk Ismail Ramli (kanan) pada Majlis Makan Malam Solidariti Bersama Perdana Menteri di PWTC, malam tadi.